



SELAMAT BERJAYA ... Saifuddin (tiga kiri) menyerahkan Jalur Gemilang kepada Mohd Noor (dua kanan) yang turut disaksikan oleh Dr. Kamaruzaman.

Kementerian Pengajian Tinggi kaji pemilihan ke IPTA

RANAU: Kementerian Pengajian Tinggi sedang mengkaji pemilihan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi program pengajian lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrikulasi dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berasaskan 70 peratus markah akademik dan 30 peratus markah kokurikulum.

Timbalan Menterinya, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata syarat kemasukan itu dikaji kerana tuntutan pasaran kerja masa kini yang mahukan keseimbangan antara akademik dan kokurikulum.

"Bila keluar dari universiti, perkara pertama yang biasanya ditanya pihak majikan ialah pengalaman serta kemahiran dan bukan kelebihan akademik walaupun mempunyai kelas pertama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Pendakian Solo 1Malaysia 2009-2010 di Dewan Rafflesia, Taman Negara Kinabalu, Kundasang, dekat sini kelmarin.

"Sekarang ini pemilihan ke IPTA masih lagi berasaskan 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Apabila sudah berada di universiti pula, penuntut perlu mencapai 70 peratus markah akademik dan 30 peratus markah kokurikulum," katanya.

Pendakian itu dilakukan oleh Jurugambar Utusan Malaysia, Mohd. Noor Mat Amin, 42, dalam misinya menawan puncak Gunung Kinabalu sebanyak 111 kali dalam masa 111 hari bermula kelmarin.

Saifuddin berkata, ketika ini lepasan universiti di lihat oleh sesetengah majikan masih tidak memenuhi kriteria yang dimahukan akibat

ketidakaktifan dalam ko-kurikulum.

Sehubungan itu, beliau meminta semua 152 persatuan mahasiswa supaya proaktif mengajurkan aktiviti masing-masing dalam usaha meningkatkan pencapaian dalam bidang berkenaan.

Mengenai langkah mewujudkan semula sudut pidato khas di IPTA bagi meningkatkan kemahiran pengucapan awam di kalangan mahasiswa, beliau berkata, perkara itu adalah satu perkembangan yang baik di peringkat universiti.

Beliau berkata, pihaknya yakin tidak akan timbul masalah atau perlukan satu kawalan terhadap sebarang bentuk pidato itu supaya platform tersebut tidak di salah guna.

"Saya yakin tidak timbul masalah, soal kawalan atau kerisauan kalau penuntut ber-

cakap yang sepatutnya tidak mungkin berlaku kerana ia dibuat berteraskan kokurikulum dan buku panduan sedia ada.

"Penuntut juga jangan salah guna kebebasan yang diberi sebaliknya gunakan dengan rasa penuh tanggungjawab. Kalau langgar peraturan, pihak universiti akan menghukum," katanya.

Sebelum ini, sudut pidato diharamkan berikutkan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1975 sejak 34 tahun lalu tetapi dibenarkan semula di semua IPT dan IPTS selepas pindaan mengenainya diwartakan pada Februari tahun lalu.

Turut hadir pada majlis itu Naib Canselor UMS, Datuk Dr Kamaruzaman Ampong dan para pegawai kanan UMS yang lain. - **OLEH KAMARUDDIN LIUSIN**